

29/07/2004

LID tetap relevan catur hala tuju dunia ketiga

By Zainab Mohd Yatim

DIALOG Antarabangsa Langkawi (LID), komponen utama dalam siri Dialog Antarabangsa Mengenai Perkongsian Pintar Global 2004 (Global 2004), akan bermula di Langkawi, hari ini hingga Sabtu.

Global 2004 yang dipelopori Malaysia menerusi LID pertama pada 1995, memberi ruang kepada pesertanya yang membabitkan perwakilan dari negara dunia ketiga, berkongsi pengalaman merumus dan mewujudkan perkongsian pintar untuk kebaikan bersama.

LID 2004 dianjurkan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT) dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Tahun ini, LID yang berlangsung di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang, Langkawi, bertemakan 'Ke Arah Dunia Yang Lebih Pintar' akan memperkenalkan beberapa acara baru, termasuk sesi interaktif khas antara ketua industri dan pemimpin kerajaan yang bertujuan meneroka kerjasama pintar.

Interaksi dialog tiga hari yang akan dihoskan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan mengukuhkan jaringan antara syarikat dan penggubal dasar serta pembuat keputusan utama dari negara yang menyertainya.

Melihat daripada sejarahnya, LID tahun ini disifatkan sebagai amat signifikan, terutama dalam konteks buat pertama kalinya diteraju Abdullah, yang mengambil alih pucuk kepemimpinannya daripada Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Komitmen beliau untuk meneruskan kesinambungan LID seperti yang sudah dinyatakannya sebelum ini, boleh menjadi manifestasi hasrat Perdana Menteri untuk menyuntik nafas dan lembaran baru ke arah menjamin Global 2004 lebih berkesan.

Dengan beberapa cetusan idea di bawah kepimpinan baru beliau, LID dan Global 2004 secara umumnya dilihat mampu memastikan kelangsungan hidupnya sebagai forum yang kekal relevan dalam mencatuti hala tuju menangani pelbagai permasalahan dunia ketiga pada masa depan.

Pada masa sama, peralihan tampuk kepimpinan LID kepada Abdullah juga pasti dapat memberi pembaharuan kepada tata cara proses dan matlamatnya, sejajar kematangan forum itu sendiri yang sudah hampir memasuki era satu dekad.

Jika Dr Mahathir sebelum ini dilihat sebagai tokoh paling instrumental dalam menyediakan batu asas dan pembenihan subur LID, kini kepimpinan Abdullah diharap dapat terus menyuburkan lagi forum itu dalam mencapai matlamatnya.

Cetusan idea baru yang dijangka dilaksanakan Perdana Menteri dalam LID 2004 juga diharap mampu menarik lebih banyak pembabitan daripada tokoh penting dari seluruh pelosok dunia untuk menyertai forum itu, sekali gus meningkatkan keberkesannya.

Sehingga ini pun, bibit-bibit untuknya sudah mula kelihatan apabila LID 2004 dijangka dihadiri lebih 800 peserta, termasuk 43 ketua negara Komanwel, tokoh korporat, pemimpin pekerja, tenaga profesional, ahli akademik, media serta pelbagai wakil kumpulan berkepentingan utama termasuk belia.

Dengan pelbagai isu utama seperti keharmonian kaum, kestabilan nasional, kemiskinan, dadah serta jenayah, meningkatkan pembangunan ekonomi dan inovasi dalam perkongsian pintar dijangka mendominasi perbincangan, keseluruhan ruang litup LID 2004 juga kelihatan semakin meluas.

Walaupun pada dasarnya LID bertujuan menyediakan medan kepada peserta berkongsi pengalaman dan pelajaran dalam bahagian sosiopolitik, ekonomi dan kerajaan serta meneroka penggunaan sumber yang boleh memberi faedah kepada komuniti perkongsian pintar, skop perbincangannya kini nyata sudah mencakupi pelbagai aspek.

Adalah diyakini bahawa kepemimpinan Abdullah mampu menjamin keberkesanan dalam usaha penganjuran LID untuk menyemai nilai terasnya iaitu untuk meraih sokongan dan pemuafakatan di kalangan negara membangun untuk sepakat dalam pelbagai isu di peringkat antarabangsa.

Di bawah teraju Abdullah, LID juga nyata sudah membuat pembaharuan. Paling ketara ialah buat pertama kalinya tahun ini, LID 2004 akan turut menganjurkan pameran berunsur perniagaan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dengan disertai 30 syarikat tempatan serta agensi kerajaan.

Sesungguhnya, pembaharuan teraju kepemimpinan LID 2004 harus dilihat dalam konteks evolusi forum itu sendiri dalam mengukuhkan komitmennya membentuk kerjasama yang berkonsepkan sama-sama menang kepada semua pihak. Sehingga ini pun, pendekatan itu sudah diguna pakai oleh bukan saja kalangan negara dunia ketiga, malah juga ekonomi maju.

Dialog itu juga sebenarnya sudah mempunyai pelbagai input, pengalaman dan pencapaian yang boleh dijadikan resipi untuk memastikan LID-Global 2004 kekal relevan serta berkesan kepada pesertanya. Kini hanya terserah kepada semua pihak yang terbabit dengannya untuk merealisasikan hasrat itu. Selamat berdialog kepada delegasi LID 2004.

(END)